

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah strategi yang dijalankan oleh Kementerian untuk mempertingkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan mampan serta membantu mengurangkan kos penjanaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah melaksanakan tiga langkah strategik bagi mengurangkan kebergantungan penjanaan tenaga elektrik daripada sumber fosil iaitu melalui langkah memantapkan kerangka institusi, perundangan dan pembangunan loji-loji jana kuasa dari sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Dari segi kerangka institusi, Kerajaan telah menubuhkan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari atau *Sustainable Energy Development Authority*- SEDA Malaysia, dengan izin, iaitu agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri TBB negara. SEDA Malaysia juga bertanggungjawab bagi mentadbir dan melaksanakan mekanisme *Feed-in Tariff* bagi memacu pertumbuhan industri TBB negara.
2. Penggubalan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dan Akta SEDA 2011 membolehkan penubuhan SEDA Malaysia serta kaedah-kaedah pelaksanaan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT). Pengenalan Akta TBB

2011 dan penubuhan SEDA Malaysia telah menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pihak industri dan individu untuk berkecimpung dalam industri TBB. Pelaksanaan mekanisme FiT telah membantu melonjak kadar pertumbuhan teknologi tenaga boleh baharu (TBB) dan lebih banyak loji-loji biomas, biogas dan solar PV telah dibangunkan. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 6,524 permohonan kuota FiT TBB yang bersamaan dengan 949.8 MW telah diluluskan. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,837 permohonan yang bersamaan dengan 283 MW telah dilaksanakan dan bermulatugas.

3. Bagi menjamin pembangunan teknologi TBB yang mapan, Kementerian pada masa ini sedang meneliti dasar dan kaedah pelaksanaan *net energy metering* dan pembangunan pemasangan solar PV berskala besar. Pelaksanaan kedua-dua mekanisme ini bukan sahaja akan membolehkan penyertaan lebih ramai individu dan entiti komersial serta syarikat-syarikat tempatan dalam penjanaan tenaga, tetapi juga akan meningkatkan jumlah kapasiti terpasang penjanaan daripada sumber TBB.
4. Peningkatan pasaran TBB tempatan secara tidak langsung akan mengurangkan kos penjanaan serta peningkatan kecekapan kos hasil terutamanya bagi solar PV.

5. Kos penjanaan bagi hidrokuasa kecil telah berada pada tahap yang stabil dan matang manakala teknologi biomas dan biogas juga telah matang. Pengurangan bagi kos penjanaan menggunakan teknologi biomas dan biogas bergantung kepada kecekapan kos pemaju terbabit yang akan diperolehi hasil daripada pengalaman dalam menggunakan sumber tersebut.

SOALAN (29)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2015
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]

SOALAN :-

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) jumlah rumah kos rendah dan rumah kos mampu milik yang telah dibina sejak tahun 2008-2015 berdasarkan negeri; dan
- (b) jumlah rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang akan dibina dari tahun 2015 sehingga 2020.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah jumlah Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Rumah Mampu Milik yang dibina bermula tahun 2008 sehingga Mei 2015 bagi Semenanjung Malaysia:

BIL	JENIS RUMAH	BILANGAN UNIT
1	Rumah Kos Rendah	32,957
2	Rumah Sederhana Rendah	56,748
3	Rumah Mampu Milik (RM100,001 – RM300,000)	366,139
JUMLAH		455,844

Sehingga kini, Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dan sedang melaksanakan sebanyak 168 Projek Perumahan Rakyat (PPR) (102,102 unit) di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 105 projek PPR (75,191 unit) telah siap, 28 projek PPR (16,362 unit) dalam

pembinaan dan 35 projek PPR (10,549 unit) dalam perancangan. Kementerian seterusnya akan menyiapkan sebanyak 26,911 lagi unit rumah PPR yang dijadualkan siap pada tahun 2015 sehingga 2018.

Di samping itu juga, Kementerian juga telah mensasarkan pembinaan sebanyak 50,000 unit rumah PPR di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMKe-11) yang diumumkan baru-baru ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015